

NO. SOALAN: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2017

RUJUKAN :

SOALAN:

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan yang akan diambil atas pihak-pihak, termasuk Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang terlibat dalam kekecohan di pejabat surat khabar Tamil Malar Kuala Lumpur pada 5.9.2017.

95

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berhubung laporan polis Chow Kit/7001/2017 di bawah Seksyen 147, Seksyen 352 dan Seksyen 379 Kanun Keseksaan. Pengadu adalah seorang peguam bagi surat khabar Tamil Malar dan mendakwa bahawa pada 5 September 2017, jam 11.30 pagi, dianggarkan seramai 80 hingga 100 orang penyokong MIC berada di perkarangan pejabat Tamil Malar di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur telah membuat kekecohan sehingga pengadu mengalami kecederaan akibat dipukul dan diserang oleh kumpulan tersebut. Kertas siasatan telah dilengkapkan dan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya pada 2 November 2017 untuk arahan selanjutnya.